

# Inovasi linut hasilkan fabrik batik unik

➔ Mampu jadi bahan penghalang ganti lilin

Oleh Halina Mohd Noor  
halina\_mdnoor@bh.com.my

➔ Muka

**S**agu atau linut yang menjadi makanan kegemaran etnik Melanau dikenal pasti boleh digunakan sebagai inovasi terbaru menghasilkan fabrik batik yang unik.

Linut dilihat mampu menjadi bahan penghalang menggantikan lilin berdasarkan sifatnya selepas kering dan boleh ditanggalkan daripada fabrik menggunakan air.

Kunjungan BH ke bengkel membuat batik linut yang terletak di Kampung Telian Tengah, di sini, baru-baru ini, mendapati kesan linut pada kain disaluti linut yang warnakan memberi keunikkan kepada latar reka corak kain, seakan-akan kesan ikat celup.

Proses pembuatan batik bermula

la dengan kain putih kapas sepanjang 2.5 sehingga empat meter dicelup di dalam linut kemudian dijemur sehingga kering, seterusnya ia dicelup kali kedua untuk dimasukkan warna terang dan dijemur sekali lagi.

Kain berkenaan kemudian dicelup sekali lagi ke dalam bahan kimia khas untuk mematikan warna dan dijemur sehingga kering, direbus serta dicuci.

Motif berinspirasi busana tradisional dan alam semula jadi seperti kunci (butang) baju bangkawas iaitu baju tradisional Melanau, buah mulung dan terendak dicetak di atas batik menggunakan teknik cetakan sutera saring.

## Tubuhkan bengkel

Penyelaras Projek Batik Linut, Diana Rose, berkata Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) cawangan Sarawak menubuhkan bengkel itu susulan pengajuran Makmal Teknik Pembuatan Batik Linut bagi memberikan pendedahan kepada komuniti di situ berkenaan bahan, proses, teknik dan rekaan produk siap pada Februari dan Mac lalu.

Katanya, inovasi ini memberi pendedahan dan peluang menjana ekonomi lebih luas kepada 30



Inovasi ini memberi pendedahan dan peluang menjana ekonomi lebih luas kepada 30 penduduk setempat dan generasi muda yang berminat dengan seni tekstil”

**Diana Rose,**  
Penyelaras Projek Batik Linut

penduduk setempat dan generasi muda yang berminat dengan seni tekstil.

“Kerjasama turut diadakan dengan pereka fesyen tempatan, Abdul Latif Mohti dan pereka muda untuk menghasilkan baju siap untuk lelaki dan wanita serta kain pasang daripada kain batik linut ini,” katanya.

Diana Rose berkata, bengkel berkenaan sedang sibuk menyiapkan kain batik linut dan pakaian moden serta tradisional Melanau untuk dipamerkan pada Festival Kraftangan Borneo 2019, yang dijadualkan berlangsung di Kota Kinabalu, pada 12 sehingga 21 April ini.

Pereka muda, Nuriyati Morshidi @ Lim Ah Guan, berkata teruja untuk mempelbagaikan rekaan berasaskan batik linut.

## Mencabar, mengujakan

Katanya, teknik menggunakan linut ini boleh dianggap unik kerana daripada makanan utama orang Melanau fungsinya kini sudah berkembang kepada tekstil pula.

“Ia sesuatu yang mencabar dan mengujakan bagi menghasilkan pakaian siap dipakai kerana pereka perlu bijak menghasilkan rekaan yang mampu menarik perhatian bukan saja peminat fesyen tem-

patan malah ke pentas antara bangsa,” katanya.

Sementara itu, Abdul Latif, berkata pakaian yang dihasilkan daripada kain batik linut mungkin nampak mahal, tetapi hakikatnya ia mampu dimiliki dan digayakan oleh pelbagai lapisan masyarakat.

“Selain pakaian, batik linut juga boleh dijadikan sebagai penghias dalaman rumah seperti alas meja, sarung kusyen selain aksesori seperti subang dan kasut,” katanya.

Pengarah Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak, Azran Arif, berkata inovasi itu dapat mewujudkan identiti baharu bagi komuniti setempat.

“Komuniti baharu yang diwujudkan ini perlu diberi perhatian dan bimbingan berterusan sehingga mereka benar-benar memahami selok-belok keusahawanan, terutama dalam aspek pemasaran.

“Masih banyak yang perlu dikembangkan dalam penggunaan bahan linut untuk pembuatan batik.

“Kajian pembangunan bahan linut ini akan diteruskan bagi mempertingkatkan lagi kualiti sebagai bahan penghalang dan mampu menggantikan lilin serta menjadikan batik linut ini sebagai batik mesra eko,” katanya.

BELTA HARLAN 8/4/19 MS 69